

02 OCT 2003

Mahathir-Suruhanjaya

SURUHANJAYA BEBAS KEHAKIMAN TIDAK PERLU, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, Okt 2 (Bernama) -- Kerajaan mendapati tidak ada sebarang keperluan untuk menubuhkan satu suruhanjaya bebas kehakiman bagi mengendali pelantikan, pertukaran dan kenaikan pangkat hakim-hakim, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari.

"Saya tidak nampak (keperluan itu). Tidak ada orang yang benar-benar bebas. Kalau kita ada macam ombudsman, diapun tidak akan bebas juga kerana tentulah dia hendak buat keputusan yang dipengaruhi oleh fikiran dan pemikirannya," katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari bersama Putera Raja Arab Saudi Laksamana Fahd Abdullah Mohammed Abdul Rahman Al Saud di Awana Porto Malai di sini.

Dr Mahathir berkata walaupun suatu badan bebas ditubuhkan, ia tidak semestinya bebas sepenuhnya kerana ia akan tetap mempunyai kepentingan di dalam sesuatu perkara.

"Kita tidak boleh kata ada manusia yang begitu bebas sehinggakan dia hendak lantik orang yang dia tidak suka," kata Perdana Menteri ketika ditanya mengenai cadangan Majlis Peguam yang mahu kerajaan menubuhkan sebuah suruhanjaya bebas kehakiman bagi mengendalikan perkara-perkara seperti pelantikan, pertukaran dan kenaikan pangkat hakim-hakim.

Pengerusi Majlis Peguam, Kuthubul Zaman Bukhari, dilaporkan berkata suruhanjaya itu perlu diketuai oleh Ketua Hakim Negara dan dianggotai oleh Peguam Negara, dua wakil Majlis Peguam, dua anggota kanan kehakiman dan dua orang awam.

Menurut Kuthubul, Majlis Peguam berharap dapat meluluskan usul mengenai penubuhan suruhanjaya itu dalam mesyuarat agung luar biasanya Sabtu ini.

Perdana Menteri berkata jika cadangan Majlis Peguam itu diterima, beliau khuatir hakim yang terpilih akan terhutang budi kepada majlis itu dan seterusnya menjadikan beliau tidak bebas.

"Ini bermakna mereka akan selalu melayan peguam, jadi mereka tidak akan bebas...kerana mereka tahu kuasa peguam akan menentukan siapa yang akan dilantik sebagai hakim, siapa yang akan dinaik pangkat dan sebagainya," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata jika peguam lebih berkuasa daripada hakim, maka penghakiman yang akan ditentukan oleh mereka tidak lagi akan betul.

Perdana Menteri berkata pada masa ini hakim-hakim adalah bebas kerana kerajaan tidak pernah mencampuri urusan penghakiman dan keputusan mereka.

Beliau berkata sejarah negara ini membuktikan kebebasan badan kehakiman memandangkan hakim-hakim pernah menjatuhkan hukuman yang merugikan kerajaan dan parti pemerintah seperti peristiwa pengharaman Umno serta anggota kabinet dihukum mati dan dipenjarakan.

"Umno, sebuah parti pemerintah, pernah diharamkan oeh hakim. Kalau mereka (hakim) tidak bebas mereka tidak mungkin berbuat demikian.

"Tidak ada di dunia ini seorang hakim yang pernah mengharamkan satu parti politik yang sedang memerintah tetapi ianya berlaku di Malaysia.

"Kalau nak kata tak bebas, apa lagi," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MHI MAD MAI